

20 JUL 2003

Gerakan-Deklarasi

GERAKAN SELANGOR ISYTIHAR SOKONGAN KEPADA ABDULLAH

KLANG, 20 Julai (Bernama) -- Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) Selangor hari ini mengisytiharkan sokongan penuh kepada kepimpinan baru Barisan Nasional (BN) dan kerajaan yang akan diterajui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Oktober ini.

Dalam 11 deklarası yang dirumuskan selepas persidangan perwakilan parti itu hari ini, Gerakan juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih secara tulus ikhlas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap kepimpinan cemerlang serta mengagumkan selama 22 tahun beliau menjadi pemimpin negara.

Deklarasi itu disampaikan oleh para perwakilan kepada Pengerusi Gerakan Negeri Datuk Ir Lum Weng Keong pada persidangan perwakilan itu yang dihadiri kira-kira 350 pemimpin bahagian dan cawangan di seluruh negeri Selangor.

Selain itu deklarası berkenaan juga menyebut mengenai sokongan penuh kepada BN negeri untuk membantu mencapai matlamat 'sifar pembangkang' pada pilihan raya umum yang akan datang.

Deklarasi itu juga menyebut mengenai sokongan terhadap Program Khidmat Negara, usaha untuk melaksanakan strategi baru merangsang ekonomi negara dan dasar mempercepatkan proses pengiktirafan kilang tanpa lesen.

Gerakan Selangor juga menyokong tindakan kerajaan negeri menghapuskan aktiviti video dan pusat hiburan haram, konsep kerjasama polis serta orang awam mambanteras jenayah selain usaha menangani masalah kemerosotan akhlak remaja.

Parti komponen BN itu juga memperakukan nilai sejarah bangunan warisan dan mengalu-alukan tindakan proaktif memeliharanya di samping sokongan kepada Kementerian Pendidikan yang bertindak tegas kepada institusi pendidikan swasta yang tidak memenuhi syarat dan peraturan.

Deklarasi itu juga menyebut bahawa sistem pemantauan kerajaan negeri yang mantap amat diperlukan bagi mewujudkan pihak berkuasa tempatan yang lebih berkesan.

Perasmian persidangan itu disempurnakan oleh presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

-- BERNAMA

SHS ROS